

-Malaysia akan iktiraf semua negara bekas Soviet Union

Mal 29 DEC 1991

Top Overseas

LJLSAN, Korea Selatan 28 Dis. — Malaysia akan mengiktiraf semua sebelas buah negara bekas Soviet Union yang telah menubuhkan Komanwel baru tidak lama lagi, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan malam tadi.

Perdana Menteri berkata: "Saya tidak nampak jalan untuk kita tidak mengiktiraf dan masanya mungkin tidak lama lagi untuk mengambil langkah itu.

"Kita cuma perlukan keputusan sahaja."

Bercakap kepada wartawan yang mengikuti lawatan tidak rasminya ke sini malam tadi beliau menjelaskan negara - negara bekas Soviet Union telah merdeka dan berhajat menubuhkan satu pakatan sesama mereka.

"Ini bermakna mereka boleh mengadakan dasar yang berbeza dan Malaysia akan mengadakan hubungan secara berasingan dengan negara - negara tersebut," katanya.

Beliau bagaimanapun yakin peralihan sistem pemerintahan tidak akan menceraikan keadaan dalam sekelip mata setelah 70 tahun berada di bawah sistem sosialis.

"Untuk menukar sistem memang mudah tetapi melaksanakan sistem yang belum pernah diamalkan sebelum ini seperti sistem demokrasi adalah sulit," tambahnya.

Perdana Menteri menyatakan, sistem demokrasi tidak akan menjadi satu perkara yang mudah untuk diamalkan kerana ada yang akan merasakan mereka bebas untuk berbuat apa sahaja dan hakikat ini mungkin akan mengancam kestabilan negara.

Sekiranya keadaan sebegini berlaku, kerajaan tidak boleh mengambil tindakan secara kekerasan sebagaimana reaksi pertama Russia hendak menghantar tentera apabila penduduk Islam di satu kawasan mendakwa mereka telah merdeka.

"Ini bukan cara tindakan sebuah negara demokratik dan

Daripada Abdullah Hassan

bagaimanakah pula Russia atau lam - lam negara yang ingin mengamalkan sistem demokrasi akan menghadapi masalah lain dari kumpulan - kumpulan etnik di tempat - tempat lain," katanya.

Perdana Menteri menegaskan pemerintahan cara demokrasi mungkin tidak mudah diperlihatkan, lebih - lebih lagi setelah 70 tahun berada di bawah sistem sosialis.

Mengenai sistem perdagangan bebas pula, Dato' Sri Dr. Mahathir percaya negara - negara Komanwel baru akan melalui jalan yang agak sukar tanpa bantuan dari negara - negara maju.

"Ini adalah kerana sistem ini memerlukan peralatan, modal swasta, pengurusan yang cekap dan lain - lain lagi di mana ia tidak kedapatan di Soviet Union selama berada di bawah sistem sosialis," katanya.

Katanya, sekiranya negara - negara Komanwel baru tidak mempunyai modal swasta, perusahaan baru pula akan menghadapi masalah untuk mengambil alih perusahaan yang pernah diuruskan oleh kerajaan dahulu.

Selain daripada masalah ter-

sebut, Perdana Menteri juga menyebut mengenai kesulitan hidup yang akan dihadapi oleh rakyat ekoran daripada peralihan sistem pemerintahan.

Menurutnya, sistem perdagangan bebas memerlukan keuntungan dan untuk mendapatkannya, harga barangan terpaksa dinaikkan dan faktor ini tentu akan membebaskan rakyat yang sudah biasa dengan harga rendah dalam sistem sosialis.

Katanya, sistem sosialis seingaja merendahkan harga kerana mereka tidak pandang kepada keuntungan tetapi, apabila swasta mengendalikan urusan, harga terpaksa dinaikkan sedangkan pendapatan rakyat rendah dan masalah akan bermula kepada rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata keadaan tersebut akan menjadi punca mencabar kesabaran rakyat dan akhirnya mereka mungkin menjatuhkan kerajaan sebagaimana berlaku ke atas Gorbachev.

Beliau yakin keadaan tersebut akan berulang melainkan ada pertolongan secara besar - besaran dari negara - negara maju.

Bagaimanapun, Dato' Sri Dr. Mahathir tidak yakin negara - negara maju boleh memulihkan keadaan di negara Komanwel baru kerana kos bantuan amat tinggi.